

Kertas Konsep Persepsi Masyarakat Terhadap Realiti Kehidupan Pesalah Juvana melalui Teori Penyuburan

Wawarah Saidpudin

Universiti Islam Selangor (UIS)

wawarah@kuis.edu.my

ABSTRAK

Masyarakat sering dide dahkan dengan tontonan televisyen berkenaan kehidupan pesalah juvana dan rata-rata jalan ceritanya menunjukkan antara faktor salah laku juvana ini adalah kerana kurang kasih sayang, terpengaruh dengan faktor luaran seperti rakan-rakan dan persekitaran. Selain itu, pengakhiran hidup untuk pesalah laku juvana pula sering diterjemahkan dengan mati dibunuh, masuk penjara, atau berterusan dengan jenayahnya sehingga menjadi samseng/gangster yang mempunyai ahli kumpulan tanpa ada nilai-nilai penyesalan atau usaha perubahan yang dipaparkan dari sisi pesalah juvana itu sendiri. Akhirnya masyarakat kita sudah disuburkan dengan pandangan yang sama tentang realiti kehidupan pesalah juvana berdasarkan kepada kandungan televisyen yang klise. Maka, penulis mencadangkan satu kajian untuk merungkai sejauhmana masyarakat terpengaruh dengan ideologi dalam kandungan televisyen tersebut berkenaan kehidupan pesalah juvana. Menerusi kertas konsep ini juga, Teori Penyuburan dari George Gerbner adalah sebagai landasan utama untuk menjadi teori dan model sandaran bagi hasil kajian tersebut.

Kata kunci: Pesalah juvana, pengaruh televisyen, teori penyuburan, kandungan rancangan televisyen, realiti

1. PENGENALAN

Masyarakat sering dide dahkan dengan tontonan televisyen berkenaan kehidupan pesalah juvana dan rata-rata jalan ceritanya menunjukkan antara faktor salah laku juvana ini adalah kerana kurang kasih sayang, terpengaruh dengan faktor luaran seperti rakan-rakan, media dan lain-lain. Selain itu, pengakhiran hidup untuk pesalah laku juvana pula sering diterjemahkan dengan mati dibunuh, masuk penjara, atau berterusan dengan jenayahnya sehingga menjadi samseng atau gangster yang mempunyai ahli kumpulan tanpa ada nilai-nilai penyesalan atau usaha perubahan yang dipaparkan dari sisi pesalah juvana itu sendiri. Akhirnya masyarakat kita sudah disuburkan dengan pandangan yang sama tentang realiti kehidupan pesalah juvana berdasarkan kepada kandungan televisyen yang klise.

Maka, kertas konsep ini adalah bertujuan membincangkan penyelidikan yang ingin dijalankan iaitu sejauhmana masyarakat terpengaruh dengan ideologi dalam kandungan televisyen tersebut berkenaan kehidupan pesalah juvana. Selain itu, perkara yang menjadi tanda tanya bagi penulis adakah masyarakat mempercayai pengakhiran pesalah juvana ini klise seperti ideologi yang diketengahkan dalam televisyen atau masyarakat masih mempercayai ada peluang untuk pesalah juvana tersebut berubah dan menjadi lebih baik.

2. TINJAUAN LITERATUR

Menurut Surette et. al (2011) masyarakat yang menonton berita dan drama jenayah itu dan menganggap ia perkara realistik akan lebih menyokong kepada hukuman keadilan terhadap penjenayah kerana mereka merasakan ia adalah hukuman yang setimpal dengan jenayah yang dilakukan.

Pengkaji telah membina hipotesis berkenaan teori ini dengan menyatakan bahawa masyarakat yang terdedah kepada perkara yang sama dan menjadi dominan dalam paparan televisyen akan menganggap beberapa aspek itu sebagai “realiti”. (Morgan & Shanahan 2010).

Berdasarkan kepada analisis kandungan menunjukkan kekerapan penggunaan dadah di televisyen, Minnebo dan Eggerment (2007) dalam kajiannya kepada 246 orang di Belgium menemui heavy viewers lebih cenderung untuk mempercayai kebanyakan penghisap dadah ini terdiri daripada remaja.

Manakala Grab dan Drew (2007) membuat kajian terhadap pendedahan yang pelbagai kepada genre jenayah, termasuklah berita dan gambaran secara fiksyen, telah menguji beberapa hipotesis tentang hubungan kepentingan perbezaan genre dalam membezakan kepada keseluruhan tontonan. Secara keseluruhannya, mereka mendapati, bukti yang sedikit terhadap kesan penyuburan dalam drama jenayah, tetapi lebih banyak bukti penyuburan menjurus kepada keganasan secara realiti seperti yang dilaporkan dalam berita.

Buselle & Shrum pada tahun 2003 pula mendapati kesan penyuburan keganasan boleh terjadi dalam dua proses iaitu secara langsung atau tidak langsung. Hasil kajiannya menunjukkan ibu bapa yang menonton program yang memaparkan jenayah atau keganasan ini sebenarnya mahu memberi amaran kepada anak-anak berkenaan jenayah di sekolah menengah yang terjadi, tetapi akhirnya perkara sebaliknya pula berlaku apabila anak-anak tersebut pula terpengaruh dengan jenayah yang dipaparkan.

Dowler (2003) dalam kajiannya mendedahkan penonton yang kerap menonton rancangan jenayah lebih cenderung untuk berada dalam ketakutan. Selain itu, paparan aksi dan tingkah laku ganas yang sering diudarakan diudarakan di kaca televisyen dan media-media elektronik mempengaruhi tingkah laku ganas kanak-kanak dan para remaja. (Johnson et. al 2002)

Kajian juga mendapati bahawa video rap adalah lebih konsisten dan tinggi daripada genre lain dalam mempengaruhi kesan tingkah laku negatif kepada penonton seperti guntalk, drugtalk, alkohol dan perjudian. (Kenneth Jones 1997)

3.0 TEORI PENYUBURAN (*CULTIVATION THEORY*)

Untuk memulakan kajian ini, penulis berpendapat untuk menggunakan Teori Penyuburan dari George Gerbner sebagai landasan utama untuk penulis menafsir penyelidikan ini dengan lebih anjal dan sekaligus sebagai panduan dalam membuat keputusan sepanjang penyelidikan penulis nanti.

Teori penyuburan adalah perhubungan di antara tontonan televisyen dan pengaruhnya terhadap pandangan penonton mengenai kehidupan harian mereka (Gerbner et al. 1986). Selain itu, teori ini juga berupaya untuk menentukan perbezaan antara tingkah laku, kepercayaan dan tindakan antara penonton televisyen.

Menurut Gerbner et al. (1986), orang yang banyak menonton televisyen akan mengalami perasaan takut terhadap keganasan yang berlaku di dalam dunia ini. Antara hipotesis teori penyuburan yang sering dikenali adalah sesiapa yang kerap menonton televisyen adalah lebih cenderung untuk menganggap dunia realiti adalah pantulan atau sama dengan apa yang sering dipaparkan dalam televisyen. (Morgan & Shanahan 2010)

Kenyataan di atas menyokong konsep utama yang terdapat di dalam teori penyuburan ini iaitu Mainstreaming dan Resonance. Mainstreaming terjadi apabila heavy viewers atau penonton yang lebih banyak menonton televisyen akan memberi pandangan yang sama terhadap dunia atas pendedahan yang dominan oleh televisyen walaupun pada realitinya adalah berbeza. (West & Turner 2010). Sebagai contoh, masyarakat Malaysia walaupun berbeza kaum dan agama, namun jika pendedahan televisyen secara dominan mengatakan kebanyakan peragut itu adalah remaja, maka masyarakat Malaysia akan menganggap apa yang dipaparkan di televisyen adalah benar di dunia realiti.

Manakala Resonance pula terjadi apabila apa yang dipaparkan di televisyen itu kebetulan sama dan bertepatan dengan pengalaman yang pernah dilalui oleh penonton (West & Turner 2010). Dengan kata lain ia seolah-olah seperti situasi ulang tayang kepada penonton yang pernah melalui pengalaman yang sama seperti jalan cerita dalam televisyen tersebut. Contohnya, wanita yang pernah didera dengan suaminya akan menganggap dunia ini dipenuhi dengan lelaki yang kejam dan akan merasa takut atau fobia dengan lelaki kerana menonton televisyen yang memaparkan lakonan penderaan suami kepada isteri di televisyen.

4.0 PERKEMBANGAN TEORI

Sejarah teori penyuburan ini pada mulanya adalah daripada komponen ketiga daripada paradigma Cultural Indicators yang ditubuhkan oleh National Commission on the Causes and Prevention of Violence pada tahun 1969 dan George Gerbner adalah antara ahli yang terlibat dalam suruhanjaya ini selain Gross dan lain-lain.

Tiga komponen paradigma yang dikaji di dalam Cultural Indicators ini adalah proses perlembagaan yang mendasari penerbitan kandungan media, gambaran dalam kandungan media dan perhubungan di antara pendedahan kepada mesej yang dibawa oleh televisyen dengan kepercayaan dan tingkah laku penonton.

Suruhanjaya ini bertanggungjawab mengkaji keganasan dalam masyarakat dan ia termasuklah keganasan yang dipaparkan di dalam televisyen. Suruhanjaya ini ditubuhkan berikutan keadaan Amerika yang sedang gawat ketika lewat tahun 1960-an itu dan ditambah lagi dengan beberapa insiden seperti pembunuhan Martin Luther dan Bobby Kennedy.

Fasa teori penyuburan daripada kajian Cultural Indicators ini diimplementasi sepenuhnya terhadap kajian keganasan dalam televisyen pada tahun 70-an. Manakala pada awal tahun 80-an, menyaksikan perkembangan teori ini lebih meluas dan kajian-kajian mula terarah kepada sains, kesihatan, kekeluargaan, politik, peranan seks dan lain-lain. (Signorielli & Morgan 1990)

Kemudian teori ini mula berkembang dari tahun ke tahun. Dan pada alaf baru ini, terdapat pelbagai kajian penyuburan yang mencerminkan perubahan baru dalam kesan media (Morgan & Shanahan 2010). Misalnya, kehadiran media baru seperti internet dan teknologi lain kini menjadikan pilihan baru kepada para pengkaji dalam membuat kajian teori penyuburan ini. Misalnya kajian tentang keganasan dalam permainan secara online, pengaruh media sosial dalam kehidupan remaja dan seumpamanya.

5.0 KEDUDUKAN TEORI

Teori penyuburan adalah teori yang berupaya untuk meramal dan menjelaskan sesuatu dalam bentuk jangka masa panjang dan membentuk persepsi, pemahaman, kepercayaan berkenaan dunia ini hasil daripada pengaruh media. Selain itu, teori ini mengambil pendekatan secara positivis atau empirikal. Penjelasannya adalah kerana teori ini menganggap adanya kewujudan sebab dan akibat, perlu bebas nilai dan secara objektif. Konteks komunikasi adalah komunikasi massa atau media dan tradisinya berdasarkan kepada kritis dan sosiobudaya. (Turner & West 2010)

Kaedah dan andaian di sebalik teori ini pula berbeza dengan teori-teori tradisional yang lain dalam kajian komunikasi massa. Kebanyakan teori yang menjelaskan kajian kesan media massa lebih cenderung kepada sudut mesej individu, episod, program, siri, atau genre dan kebolehannya dalam mengubah perilaku penonton.

Berbanding dengan teori komunikasi yang lain, dasar rangka teori penyuburan ini boleh digunakan dalam pelbagai bentuk kajian komunikasi kerana teori ini lebih bersifat umum. Namun, kebanyakan kajian tertumpu pada televisyen kerana seperti yang kita maklum, televisyen adalah medium yang berbentuk ulangan, dominan kepada masyarakat dan mesej yang disampaikan melalui televisyen juga secara meluas. (Signorielli & Morgan 1990)

Teori ini juga berupaya menjelaskan bahawa masyarakat yang terdedah kepada televisyen yang lebih banyak akan menganggap dunia realiti ini seperti mana yang selalu digambarkan dalam televisyen berikutan kerana mesej dan pengajaran tersebut mampu diulang banyak kali berbanding dengan orang yang kurang pendedahan terhadap televisyen. Misalnya, penonton yang lebih terdedah kepada sains akan percaya pada kehebatan sains, penonton yang terdedah kepada keganasan dan perkara tahuyl akan percaya yang dunia ini menakutkan dan sebagainya.

6.0 KEBERGUNAAN DAN BATASAN TEORI

Setelah melihat keseluruhan teori dan kajian-kajian yang menggunakan teori ini sebagai panduan pengkaji, penulis dapat melihat kelebihan dan kekurangan teori ini dalam kajian penulis akan datang.

Pertamanya, teori ini mampu menghuraikan hubungan antara pengaruh televisyen dengan persepsi masyarakat terhadap dunia realiti. Hal ini adalah bertepatan dengan konsep kajian yang penulis mahu bawakan iaitu 1) pengaruh ideologi televisyen, 2) persepsi masyarakat dan 3) realiti kehidupan pesalah juvana. Ia juga sesuai dengan konsep teori ini yang telah dinyatakan di atas sebentar tadi.

Keduanya, teori ini juga akan menjadi panduan kepada saya dalam menjawab persoalan kajian penulis di masa akan datang dalam mengetahui persepsi masyarakat terhadap realiti kehidupan pesalah juvana seperti yang dipaparkan dalam televisyen iaitu tahap kepercayaan masyarakat berkenaan jalan cerita awal kehidupan hingga ke akhir terhadap kehidupan pesalah juvana ini.

Akhir sekali teori ini juga mampu membantu kajian ini dalam menguji sama ada masyarakat percaya pesalah juvana ini mampu berubah ke arah lebih baik atau masyarakat

percaya dengan keadaan pesalah juvana yang akan berterusan membuat kesalahan seperti imej klise yang selalu dipaparkan di dalam drama/filem.

Hal ini akan memberi titik tolak sejauh mana teori ini boleh diaplikasikan lagi dalam kesan media kepada masyarakat atau teori ini akan disangkal berdasarkan kepada kemajuan teknologi, tamadun, negara dan minda masyarakat kita.

Bagi keterbatasan teori pula, pendapat penulis, teori ini lebih menumpukan kepada waktu pendedahan media kepada masyarakat (light & heavy viewers). Hasil kajian yang lepas banyak menumpukan kepada persepsi masyarakat yang bergantung pada waktu pendedahan media dan pengalaman semata-mata. Teori ini juga mengabaikan proses kognitif seperti minat, perhatian dan fikiran rasional penonton dalam memilih sesuatu rancangan itu berbanding rancangan lain (Berger 2005).

7.0 KESIMPULAN

Seperti yang kita maklum, teori penyuburan adalah antara teori yang paling berpengaruh dan paling banyak kajian ke atasnya. Sehingga tahun 2004, Bryant dan Miron dalam tinjauan mereka mendapati hampir 2000 artikel berkenaan teori ini yang diterbitkan di tempat tiga teratas dalam jurnal komunikasi massa sejak tahun 1956.

Penulis percaya kajian yang menggunakan teori ini akan semakin meningkat selaras dengan kemajuan teknologi yang ada sekarang terutama peningkatan teknologi televisyen. Teori ini juga berupaya dalam menerangkan kesan media massa kepada penontonnya. Selain itu, teori ini membantu masyarakat dalam mengetahui peranan televisyen dalam kehidupan harian kita.

REFERENCES

- Berger, C. R. 2005. Slippery slopes to apprehension: Rationality and graphical depictions of increasingly threatening trends. *Communication Research* 32(1): 3-28.
- Bryant, J., & Miron, D. (2004). Theory and research in mass communication. *Journal of Communication*, 54(4): 662-704.
- Busselle, R. W. & Shrum, L. J. 2003. Media exposure and exemplar accessibility. *Media Psychology*, 5(3): 255-282.
- Gerbner, G. Gross, L. Morgan, M. & Signorielli, N. 1986. Living with Television: The Dynamics of Cultivation Process. Dlm *Perspectives on Media Effects*. Hillsdale, N.J. : Lawrence Earlbaum Associates
- Grabe, M. E. & Drew, D. (2007). Crime cultivation: Comparisons across media genres and channels. *Journal of Broadcasting & Electronic Media*, 51(1): 147–171.
- Johnson, J.G, Cohen, P. Smailes, E.M, Kasen, S, dan Brook, J.S. (2002). Television viewing and aggressive behavior during adolescence and adulthood. *Science*, 29(5) :2468-2471.
- Kenneth Jones. 1997. Are rap videos more violent? Style differences and the prevalence of sex and violence in the age of MTV. *Howard Journal of Communications*, 8(4): 343-356
- Minnebo, J. & Eggermont, S. (2007). Watching the young use illicit drugs: Direct experience, exposure to television and the stereotyping of adolescents' substance use. *Young*, 15(2) : 129–144.

- Morgan, M. & Shanahan, J. 2010. The State of Cultivation. *Journal of Broadcasting & Electronic Media*, 54(2):337-355.
- Dowler,K. 2003. Media consumption and public attitudes toward crime and justice: the relationship between fear of crime, punitive attitudes, and perceived police effectiveness. *Journal of Criminal Justice and Popular Culture*, 10(2) : 109-126.
- Signorielly,N. Morgan, M. 1990. Cultivication Analysis: New Directions in Media Effect Research. Newbury Park: Sage Publications
- Surette,R. Chadee, D. Heath, L and Young, J.R. 2011. Preventive and punitive criminal justice policy support in Trinidad: The media's role. *Crime Media Culture* 7 (1): 31-49